

12/07/1997

Umno tiada masalah pilih calon Semerak

Torek Sulong

PASIR PUTEH, Jumaat - Umno tidak menghadapi masalah memilih calon berwibawa bagi menghadapi pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerak pada 11 Ogos ini.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) Kelantan, Datuk Annuar Musa, berkata beberapa nama sudah disenaraikan untuk dikemukakan kepada Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selepas 22 Julai ini.

Menurutnya, beliau sudah berbincang soal pemilihan calon itu dengan Pemangku Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim, baru-baru ini "Umno tidak ada masalah memilih calon yang sesuai dan hanya menunggu keputusan pucuk pimpinan parti," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan jawatankuasa jentera pilihan raya dan penyelia pembangunan mukim dalam DUN Semerak dekat sini, hari ini.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, satu pendekatan baru menguatkan jentera parti di peringkat bahagian hingga ke akar umbi amat penting bagi mengelak berulang kekalahan kepada BN seperti dalam pilihan raya kecil DUN Pulau Chondong, Januari lalu.

"Selepas kalah dalam pilihan raya di Pulau Chondong baru-baru ini, Umno dapati kesilapan yang paling ketara berpunca daripada jentera parti setempat tidak begitu kuat dan mantap.

"Jentera parti di peringkat bahagian yang sebelum ini diberi latihan mantap berkeupayaan serta mampu bekerja keras memastikan calon BN menang," katanya.

Annuar berkata, Ketua Umno Bahagian, Kamaruddin Mohd Nor diberi mandat sebagai pengarah pilihan raya kawasan bagi melaksanakan perancangan dan strategi berkesan yang sudah disusun.

"Ini adalah satu kaedah yang terbaik melatih pemimpin di peringkat bahagian, manakala jentera pilihan raya peringkat negeri akan membantu secara langsung," katanya.

Terdahulu sebelum itu, Annuar dalam ucapannya meminta semua pihak tidak mempertikaikan bakal calon yang dipilih.

"Soal kehendak peribadi mesti diketepikan dan harus akur dengan keputusan pucuk pimpinan demi perpaduan untuk menawan kawasan itu daripada Pas.

"Sikap gemar cantas-mencantas adalah amalan kotor yang menampilkan rendahnya disiplin diri wajar dikikis kerana akhirnya yang menanggung kerugian adalah Umno sendiri," katanya.

Menurutnya, jentera pilihan raya di peringkat bahagian perlu digerakkan mulai sekarang melalui kempen yang gigih, mengamalkan kesederhanaan, bersopan dan tidak takbur.

Pilihan raya DUN Semerak diadakan berikutan kematian bekas wakil rakyat Pas, Sulaiman Ahmad, 63, selepas diserang angin ahmar, 6 Julai lalu.

(END)